

Ruj. Kami : UPM/IG/500-1/17 (Jilid 6)
Tarikh : 21 Rejab1433H
11 Jun 2012

Prof. Madya Dr. Naemah Mohd Amin
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O. Box 10,
50728 Kuala Lumpur

Y.Bhg.Dr.,

**JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH SEMINAR PENYELIDIKAN
KEPENGUNAAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN PENGGUNA KEBANGSAAN
2012**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa, Institut Gerontologi (IG), Universiti Putra Malaysia bersama dengan Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA) akan mengadakan satu Seminar Penyelidikan Kepenggunaan bersempena dengan Sambutan Bulan Pengguna Kebangsaan 2012 di bawah pembiayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Sehubungan itu, kami amat berbesar hati menjemput Y.Bhg.Dr. sebagai Penceramah seminar yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 13 Jun 2012 (Rabu)
Masa : 9.30 – 11.00 pagi
**Tempat : Auditorium Jurutera, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra
Malaysia, Serdang**
Tajuk : Literasi Undang-undang Pengguna

Kami percaya perkongsian pengetahuan dan pengalaman Y.Bhg.Dr. dapat dimanfaatkan oleh peserta forum nanti. Justeru, kehadiran Y.Bhg.Dr. amat dialu-alukan.

Sudi kiranya pihak Y.Bhg.Dr. melengkapkan surat pengesahan kehadiran dalam Lampiran 1 sebelum **12 Jun 2012 (Selasa)** untuk membolehkan kami membuat persediaan sewajarnya. Segala kerjasama yang diberikan oleh Y.Bhg.Dr. amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekiranya Y.Bhg.Dr., memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Pn. Norisma Aiza Ismail (03-8947 2747/019-3320290) atau Pn. Siti Suhailah (03-89472736/019-2664549).

Sekian terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Yang benar,

TENGGU AIZAN HAMID (Ph.D)

Profesor / Pengarah